

Dr M terus kritik jika Barat salah

BH 6 JUN 2000

TOKYO. Isnin ~ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan berhenti daripada mengkritik salah laku Barat selain menyatakan hasratnya untuk terus memimpin Malaysia buat masa ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan menukar imej itu, sebaliknya akan terus mengancam negara dan media Barat jika mereka masih melakukan sesuatu yang salah.

"Mereka membenci saya kerana mengkritik mereka. Mereka ingin melihat saya berundur dan sehubungan itu, mereka akan terus memberikan saya imej buruk," katanya dalam wawancara dengan akhbar Jepun, *Mainichi Shimbun*, yang disiarkan hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah bagaimana tanggapan rakyat Malaysia terhadap dirinya.

"Seperti yang anda lihat, meskipun media Barat menggelar saya diktator, rakyat Malaysia masih memberikan parti saya tiga perempat majoriti," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya akan berundur jika masalah besar membabitkan negara sudah diselesaikan.

"Secara jujur, saya sebenarnya ingin bersara secepat mungkin. Tetapi saya juga perlu bertanggungjawab. Saya tidak boleh pergi begitu saja tanpa menyediakan kesinambungan pembangunan negara ini.

"Jadi, sama ada saya suka atau tidak, saya terpaksa tunggu dan perlu lihat siapa yang boleh meneruskan kerja-kerja itu. Apabila semua masalah utama itu selesai, baru saya akan berundur. Tetapi, saya tidak boleh berkata bila," katanya.

Dalam wawancara itu, Dr Mahathir turut mempertahankan tindakan yang diambil terhadap usaha memulihkan ekonomi negara, termasuk kawalan ke atas ringgit bagi membantu Malaysia pulih segera daripada kemelut ekonomi berbanding negara lain di Asia.

"Ekonomi Malaysia kini sudah semakin baik. Malah, lebih baik berbanding negara lain yang juga semakin pulih daripada kemelut ekonomi," katanya.

Katanya, berikutan nilai ringgit sudah ditetapkan dan stabil, Malaysia kini boleh melakukan apa saja, termasuk mengurangkan kadar faedah.

"Kami boleh mempromosikan penjualan hartanah atau kereta. Kami juga boleh membantu syarikat Malaysia untuk pulih supaya dapat bersama-sama membantu ke arah merangsangkan ekonomi negara," katanya.

Malaysia menetapkan nilai ringgit pada kadar 3.80 berbanding satu dolar sebagai sebahagian daripada kawalan modal selektif yang diperkenalkan pada September 1998.

"Saya mesti mengaku yang tempoh dua tahun itu adalah antara masa paling sukar kerana kombinasi serangan ke atas ekonomi oleh orang luar yang saya sendiri tidak boleh kawal," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun beliau menambahkan: "Hidup tanpa masalah kadang kala amat membosankan. Masalah adalah cabaran yang menarik." AFP